



## UCAPAN

**YB PUAN YEO BEE YIN  
MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN  
PERUBAHAN IKLIM**

**PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI NEGERI SELANGOR  
TAHUN 2018  
PANTAI REMIS, JERAM, SELANGOR**

**22 SEPTEMBER 2018 (SABTU)**

---

Yang Berusaha saudara Pengacara Majlis

**Yang Berusaha  
Tuan Azman bin Dahlan  
Setiausaha Majlis Daerah Kuala Selangor**

Ahli-Ahli Majlis Daerah,

Pegawai MESTECC, UPEN dan Majlis Daerah Kuala Selangor,

Seterusnya wakil daripada Metric Global dan REN Skincare,

Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung,

Pelajar-pelajar,

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Salam Sayangi Malaysiaku, Salam Negaraku, Alam Sekitarku

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur kepada tuhan kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama hadir dalam Aktiviti Gotong-royong Pembersihan Pantai pada hari ini.

Hadirian yang dihormati sekalian,

2. Malaysia amat bertuah kerana dikelilingi oleh pantai. Kecantikan alam semulajadi yang dimiliki akan pudar akibat pencemaran. Masyarakat harus sedar mengenai kepentingan perlindungan kebersihan pantai – pantai di negara kita daripada pencemaran alam sekitar.

3. Dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar, bukan pihak kerajaan sahaja yang harus dipertanggungjawabkan, tetapi semua golongan masyarakat perlu melaksanakan tanggungjawab masing-masing bagi menyemai rasa tanggungjawab dan meningkatkan kesedaran untuk melindungi alam sekitar.

4. Justeru, saya ingin menyeru kepada semua lapisan masyarakat untuk sama-sama menjaga alam sekitar dengan memastikan penggunaan beg plastik dapat diminimumkan dan menggalakkan penggunaan beg kitar semula atau beg plastik *biodegradable* yang mesra alam.

5. ‘Hentikan Pencemaran Plastik’ atau ‘*End Plastic Pollution*’ merupakan tema Hari Bumi 2018. Tema ini dipilih bagi mengurangkan impak sisa plastik kepada alam sekitar. Pencemaran plastik merupakan pencemaran kedua banyak selepas pencemaran sisa makanan. Dianggarkan sebanyak satu billion tan sisa plastik dihasilkan setahun di Malaysia.

6. Masalah pencemaran plastik di Malaysia sangat ketara dan dilaporkan di dalam satu kajian saintifik bahawa Malaysia berada di tangga ke – 8 bagi sisa plastik yang tidak diurus dengan baik. Sekiranya sisa plastik yang dihasilkan di daratan tidak diuruskan secara mesra alam, ianya akan hanyut ke laut dan secara langsung boleh

menyebabkan kepada kemerosotan tahap kualiti marin, merosakkan pemandangan pantai, mendatangkan bahaya kepada manusia, tumbuhan, hidupan akuatik dan hidupan liar.

7. Pereputan dan pembuangan beg plastik juga boleh menyumbang kepada pembentukan gas rumah kaca yang memberikan kesan kepada pemanasan global dan menjaskan rantaian makanan manusia.

8. Pencemaran sisa plastik juga mempunyai impak kepada ekonomi negara kerana ia akan mengkompromikan sektor pelancongan. Selain itu, kerajaan juga perlu membelanjakan peruntukan yang tinggi untuk pembersihan alam sekitar daripada pencemaran plastik.

9. Bagi mewujudkan kesedaran dikalangan rakyat Malaysia akan kesan pencemaran dan langkah-langkah bagi mengurangkan pencemaran plastik, Kementerian saya telah melancarkan kempen ‘Let’s Break Up with Single- Use Plastic’ pada 7 September yang lalu. Kempen ini merupakan salah satu langkah yang sedang dilaksanakan di peringkat kementerian. Kementerian saya juga sedang menggubal satu *Road Map* untuk menangani masalah plastik terutamanya Single-Use plastik. *Road Map* ini akan dilancarkan pada pertengahan bulan Oktober semasa IGEM 2018.

10. Usaha-usaha sedang giat dilaksanakan untuk memperkenalkan sukatan mata pelajaran pendidikan alam sekitar di peringkat sekolah untuk mewujudkan rasa tanggungjawab dan keprihatinan generasi muda terhadap alam sekitar. Kita perlu menggalakkan ‘*experiential learning*’ supaya penghayatan cintakan alam sekitar akan lebih kukuh di kalangan anak muda kita.

11. Dengan adanya usaha seperti program pada hari ini, diharapkan akan lahirlah rakyat Malaysia yang prihatin kepada alam sekitar dan sebarang bentuk pencemaran alam sekitar terutamanya pencemaran laut dan hidupan marin yang berpunca daripada pencemaran sisa plastik dapat ditangani bersama. Masyarakat juga digalakkan untuk mengadakan aktiviti sebegini sama ada secara individual maupun sebagai tanggungjawab sosial korporat.

12. Walaupun kita boleh menghasilkan dasar, undang-undang dan pelbagai pendekatan untuk menangani masalah pencemaran plastik, perubahan perlu berlaku di peringkat individu di mana segala tindakan kita mempunyai kesan kepada alam sekitar. Oleh itu, saya menyeru dalam suasana Malaysia baharu ini, ayuh kita sama-sama mengamalkan gaya hidup yang mesra alam.

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada tuan-tuan dan puan-puan yang dengan sukarela menyertai aktiviti ini. Tidak dilupakan juga tahniah kepada pihak pengajur program. Semoga dengan penglibatan semua pihak, persekitaran negara kita akan bersih dan khazanah alam kita akan terus terpelihara dan dipulihara untuk manfaat generasi kini dan akan datang.

14. Dengan sukacitanya, saya merasmikan Program Pembersihan Pantai Remis, Jeram, Selangor.

Sekian, terima kasih.